



Berita Harian - Syarikat Guna Taktik Licik Gelapkan GST

🕒 Sabtu, Nov 11 2017

Syarikat guna
taktik licik
gelapkan GST● Buka firma baharu kaburi mata
penguat kuasa hasil pendapatan
cukai tahunan tak lebih RM500,000Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@bh.com.my

Kuala Lumpur

Ada syarikat tempatan di-
kesan menggunakan tak-
tik licik mengelap GST
kai Barang dan Perkhidmatan
(GST) yang perlu dibayar kepada
kerajaan, antaranya memecah
ratusan ribu ringgit.
Taktik mengaburi mata penguat
kuasa Jabatan Kastam Diraja Ma-
laysia itu didedahkan beberapa se-
tiasa syarikat serta juru audit
yang menguruskan akaun pelang-
gan syarikat masing-masing dari-
pada pelbagai sektor.

Tinjauan dan maklumat sumber
BH mendapati, kebanyakan syar-
ikat yang terbabit mengambil ke-
sempatan ke atas sistem pengur-
usan sendiri pengisytiharan GST
menerusi dalam talian dengan me-
masuk transaksi urus niaga.

Antara modus operandi (MO)
yang didakwa digunakan syarikat
terbabit ketika pengisytiharan GST
setiap tiga bulan adalah dengan

BH PLUS
di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video

memasukkan maklumat urus ni-
ga dan bayaran GST tipu kepada
pembekal, tidak mengisytiharkan
urus niaga dan kutipan GST se-
benar serta menyembunyikan in-
vois urus niaga yang dikenakan
GST.

Merendahkan cukai output
Susulan itu, syarikat terbabit dapat
merendahkan cukai yang sepatut-
nya dibayar kepada kerajaan dan
pada masa sama, membuat tun-
tutan cukai yang perlu dibayar
kerajaan kepada syarikat, pada ka-
dar yang lebih tinggi.


Bahkan, aktiviti berani syarikat
tipu GST turut membabitkan lang-
kah mereka membuka beberapa
syarikat baharu hanya untuk me-

MODUS OPERANDI 1

Digunakan syarikat untuk mengelak daripada membayar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Contoh: Syarikat kontraktor akan membuka sebuah syarikat baharu yang dinamakan atas individu lain supaya akaun syarikat terbabit tidak mencacah paras wajib daftar bagi syarikat yang memiliki hasil pendapatan bercukai tahunan melebihi RM500,000.

Syarikat kontraktor akan membuka sebuah syarikat baharu apabila hasil pendapatan hampir mencacah RM500,000.



ngaburi mata penguatkuasa ter-
hadap hasil pendapatan bercukai
tahunannya yang tidak melebihi
RM500,000.

Strategi itu membolehkan me-
reka menjalankan aktiviti perni-
agaan dan perkhidmatan sedia ada
menerusi satu syarikat namun
apabila kutipan pembayaran di-
buat mereka akan menghantar in-
vois daripada syarikat yang baharu
dibuka terbabit.

Sumber setiasa-sa syarikat dan
akauntan berkata, ada pelanggan
yang sebelum ini membayar cukai
GST mencacah RM200,000 namun
baru-baru ini apabila mereka me-
nguruskan sendiri pengisytiharan
GST, jumlah yang dibayarnya ha-
nya RM80,000.

Ini bermakna, RM120,000 yang
sepatutnya dibayar kepada kera-
jaan dalam bentuk GST, masuk
kantong sendiri.

Katanya, apabila pihak setiasa-
sa syarikat dan akauntan menu-
tup akaun syarikat berkenaan
pada akhir tahun kewangan, pi-
hanya mendapati wujud perbe-
zaan besar pada penyata GST yang

disyitihar pelanggan.

"Secara asasnya pelanggan boleh
menggunakan perkhidmatan
kami untuk mengisytiharkan GST
atau menguruskan sendiri peng-
isytiharan mereka, kerana mereka
anggap ia mudah diuruskan dan
hanya perlu disyitihar setiap tiga
bulan.

"Kami perlu mendapatkan ke-
pastian apabila penyata akaun me-
reka terlalu berbeza dengan pe-
ngisytiharan GST, ada di antara
mereka berpura-pura tidak menge-
tahuinya dan menyembunyikan
maklumat sebenar.

Sengaja ubah, tak nyatakan

transaksi sebenar
Namun, apabila kami 'korek' le-
bih dalam, akhirnya mereka me-
ngakui sengaja mengubah atau ti-
dak menyatakan transaksi sebenar
bagi merendahkan jumlah perlu
disyitiharkan, menipu cukai input
selain daripada sumber yang di-
ragu.

"Setiasa-sa syarikat dan pe-
ngaudit bertanggung jawab me-
melihara integriti dan lesen aka-

untan bertauliah yang dimiliki,
maka kami bertegas mahu isyt-
harkan akaun yang tepat dan be-
nar walaupun faham pelangan
akan menerima kesannya nanti,"
katanya yang turut memiliki lesen
akauntan bertauliah, kepada BH
dalam satu temu bual di sini.

Penyamaran BH sebagai usa-
hawan yang ingin menubuhkan
syarikat berjaya mengesan kegiat-
an setiasa-sa syarikat yang
lah untuk membantu pelanggan
mengelak mendaftar GST.

Terdapat setiasa-sa syarikat se-
cara terbuka menasihatkan pe-
langgan membuka beberapa syar-
ikat baharu atas nama individu
lain termasuk ahli keluarga supaya
hasil pendapatan bercukai tahu-
nannya tidak melebihi paras wajib
daftar GST.

Difahamkan, strategi itu kini di-
praktikkan beberapa penyedia per-
khidmatan dan restoran yang ma-
hu mengelak daripada mendaftar
GST kerana menganggapnya lebih
merugikan berbanding operasi
perniagaan tanpa GST.

Pekeliling
Perbendaharaan

BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**